

# PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA



## AMANAH SAHAM DARUL IMAN

(Dilancarkan pada 31 Oktober 1994)

Pengurus

PTB UNIT TRUST BERHAD

199401024477 (310155-K)

Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965  
(Subsidiari milik penuh Permodalan Terengganu Berhad)

Pemegang Amanah

CIMB ISLAMIC TRUSTEE BERHAD

198801000556 (167913-M)

**Prospektus Tambahan Pertama ini yang bertarikh 15 Ogos 2023 (“Prospektus Tambahan Pertama”) dan hendaklah dibaca bersama-sama prospektus yang bertarikh 31 Mei 2017 (“Prospektus Utama”)**

**Pelabur-pelabur adalah dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini yang mana hendaklah dibaca bersama-sama Prospektus Utama sebelum melabur dalam Tabung Unit Amanah ini. Sekiranya ada sebarang keraguan, sila dapatkan pandangan daripada penasihat profesional.**

Satu salinan Prospektus Tambahan Pertama ini dan Prospektus Utama telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kebenaran, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama dan Prospektus Utama, tidak boleh dianggap sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Tabung Unit Amanah ini atau bertanggungjawab di atas kebenaran manapun kenyataan yang dibuat atau laporan yang dizahirkan di dalam Prospektus Tambahan Pertama dan Prospektus Utama.

## **KENYATAAN TANGGUNGJAWAB**

Prospektus Tambahan Pertama ini telah disemak dan diluluskan oleh Pengarah-pengarah PTB Unit Trust Berhad, pengurus Tabung Unit Amanah ini dan mereka secara bersama dan berasingan mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas ketepatan semua maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang tertinggal yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan Pertama ini palsu atau mengelirukan.

## **KENYATAAN PENOLAK TUNTUTAN**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memberi kebenaran kepada Tabung Unit Amanah ini dan satu salinan Prospektus Tambahan Pertama ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak boleh dianggap sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Tabung Unit Amanah ini atau bertanggungjawab di atas kebenaran mana-mana kenyataan yang dibuat atau laporan yang dizahirkan di dalam Prospektus Tambahan Pertama ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana bahagian yang tidak dizahirkan oleh syarikat pengurusan yang bertanggungjawab ke atas Tabung Unit Amanah ini dan tidak akan bertanggungjawab ke atas isi kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga tidak membuat apa-apa representasi terhadap ketepatan atau kesempurnaan Prospektus Tambahan Pertama ini dan dengan nyata menegaskan menolak apa-apa liabiliti yang timbul dari, atau oleh kebergantungan ke atas kesemua atau mana-mana bahagian isi kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini.

**PELABUR-PELABUR HENDAKLAH MEMBUAT PENELITIAN SENDIRI BAGI MENILAI KEBAIKAN SERTA RISIKO SESUATU PELABURAN. SEKIRANYA TIMBUL KERAGUAN SEMASA MEMPERTIMBANGKAN KEPUTUSAN UNTUK MEMBUAT PELABURAN, PELABUR-PELABUR HENDAKLAH MENDAPATKAN BANTUAN PENASIHAT PROFESIONAL DENGAN SEGERA.**

## **KENYATAAN TAMBAHAN**

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama kepada Prospektus Utama yang bertarikh 31 Mei 2017. Prospektus Tambahan Pertama ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Prospektus Utama seolah-olah Prospektus Tambahan Pertama ini adalah sebahagian dari Prospektus Utama.

Pelabur-pelabur adalah dimaklumkan bahawa mereka boleh mendapatkan hak tuntut di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi kesalahan melanggar undang-undang sekuriti termasuk apa-apa kenyataan di dalam Prospektus Tambahan Pertama ini yang palsu, mengelirukan, atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan Prospektus Tambahan Pertama ini atau kelakuan mana-mana individu lain yang berkaitan dengan Tabung ini.

Amanah Saham Darul Iman telah diperakui sebagai tabung unit amanah patuh Syariah oleh Jawantkuasa Syariah yang telah dilantik untuk Tabung ini.

## **PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA**

---

### **Nota Penerangan**

Prospektus Tambahan Pertama ini diterbitkan bertujuan memaklumkan pelabur-pelabur perkara-perkara berikut;

- Mengemaskini maklumat ketua pegawai eksekutif / pegawai lantikan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pelaburan ASDI yang baharu.
- Mengemaskini maklumat ahli-ahli Lembaga Pengarah PUTB dan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah ASDI.
- Mengemaskini maklumat berhubung Pemegang Amanah.
- Mengemaskini maklumat berhubung polisi tempoh penelitian.
- Mengemaskini maklumat berhubung faktor-faktor risiko Tabung.
- Mengemaskini maklumat berhubung pelaburan yang dibenarkan.
- Mengemaskini maklumat berhubung proses belian dan jualan balik unit-unit ASDI.
- Mengemaskini maklumat berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang telah dimansuhkan.
- Mengemaskini maklumat berhubung surat ikatan Tabung.

### **A. KANDUNGAN**

#### **Muka surat i Prospektus Utama - KANDUNGAN**

1. Tajuk "Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)" adalah dipadamkan.

### **B. TAKRIF SINGKATAN / ISTILAH**

#### **Muka surat 1 Prospektus Utama – TAKRIF SINGKATAN DAN ISTILAH**

1. Singkatan 'CBP' Cukai Barang dan Perkhidmatan / 'Goods and Services Tax'(GST) adalah dipadamkan.
2. Takrif singkatan/istilah baharu adalah dimasukkan dan dibaca seperti berikut:-

Pasaran Layak        bursa, pasaran sekuriti kerajaan atau pasaran *over-the-counter* ("OTC")–

- (a) yang dikawal selia oleh pihak berkuasa kawal selia bidang kuasa itu;
- (b) yang terbuka kepada orang ramai atau kepada sebilangan besar peserta pasaran; dan
- (c) di mana instrumen kewangan selalu didagangkan;

### **C. MAKLUMAT KORPORAT**

#### **Muka surat 3 Prospektus Utama – PEMEGANG AMANAH**

1. Maklumat PEMEGANG AMANAH adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

#### **PEMEGANG AMANAH**

CIMB Islamic Trustee Berhad 198801000556 (167913-M)

#### **PEJABAT BERDAFTAR**

Level 13, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral

---

**PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA-SAMA DENGAN  
PROSPEKTUS UTAMA YANG BERTARIKH 31 MEI 2017**

50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2261 8888  
Faks : 03-2261 0099  
Laman web : <http://www.cimb.com>

**PEJABAT URUSNIAGA**

Level 21, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2261 8888  
Faks : 03-2261 9894  
Email : [ss.corptrust@cimb.com](mailto:ss.corptrust@cimb.com)

2. Maklumat WAKIL PEMEGANG AMANAH adalah dipadamkan.

**D. MAKLUMAT KORPORAT**

**Muka surat 4 Prospektus Utama – JAWATANKUASA SYARIAH**

1. Maklumat ahli-ahli Jawatankuasa Syariah adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

**JAWATANKUASA SYARIAH**

1. Dr. Haji Muhamad Rahimi bin Osman  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450, Shah Alam, Selangor  
Emel : [mrahimi7557@gmail.com](mailto:mrahimi7557@gmail.com)  
Tel : 03-5544 2664
2. Abdul Halim bin Awang @ Sulong  
Fakulti Pengajian Kontemporari  
Pusat Pengajian Syariah  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Emel : [abdulhalim4571@gmail.com](mailto:abdulhalim4571@gmail.com)  
Tel : 09-666 4466
3. Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan  
IIUM Institute of Islamic Banking and Finance,  
International Islamic University Malaysia,  
Jalan Gombak,  
53100, Kuala Lumpur  
Emel : [hrusni@iium.edu.my](mailto:hrusni@iium.edu.my)  
Tel: 03-6196 4185

**E. TABUNG ASDI**

**Muka surat 6 Prospektus Utama – FAKTOR-FAKTOR RISIKO**

1. Perenggan “Risiko Kecairan” adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset tersebut yang diniagakan di pasaran. Jika tabung unit amanah memegang aset yang tidak cair, atau sukar untuk dilupuskan, nilai tabung akan terjejas apabila terpaksa menjual aset tersebut pada harga yang lebih rendah

daripada kos pelaburannya. Ini akan menyebabkan NAB tabung akan menyusut seterusnya mengakibatkan nilai pelaburan pemegang unit turut terjejas.

## F. TABUNG ASDI

### Muka surat 8 Prospektus Utama – FAKTOR-FAKTOR RISIKO

1. Tambahan perenggan baharu selepas perenggan ke tiga di bawah sub-tajuk "Menangani Risiko Pelaburan" adalah dibaca seperti berikut:-

Di dalam menangani risiko kecairan yang melibatkan keupayaan Pengurus untuk memenuhi permintaan penebusan atau membayar hasil penebusan Pemegang Unit tepat pada masanya, Pengurus akan secara aktif menguruskan kecairan Tabung dan/atau jika perlu, meminjam tunai dan mendapatkan pembiayaan tunai patuh Syariah secara sementara seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan untuk menguruskan permintaan penebusan Pemegang Unit.

## G. TABUNG ASDI

### Muka surat 8 Prospektus Utama – PELABURAN YANG DIBENARKAN

1. Perenggan PELABURAN YANG DIBENARKAN adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

#### PELABURAN YANG DIBENARKAN

- Sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Securities dan mana-mana pasaran lain yang dianggap sebagai Pasaran Layak;
- Sekuriti-sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai termasuk sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang belum tersenarai tetapi telah menerima pengesahan daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk penyenaraian dan sebutharga di Bursa Securities dan mana-mana pasaran lain yang dianggap sebagai Pasaran Layak;
- Sukuk;
- Instrumen pasaran wang Islam;
- Deposit dengan institusi perbankan Islam;
- Waran patuh Syariah;
- Unit-unit dalam lain-lain skim pelaburan kolektif Islam; dan
- Sebarang bentuk pelaburan patuh Syariah yang mungkin dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah dari masa ke semasa.

## H. YURAN , CAJ DAN PERBELANJAAN

### Muka surat 13 Prospektus Utama – Lain-lain Perbelanjaan Tabung

1. Perenggan 'Bermula 1 April 2015, yuran-yuran dan caj-caj di atas dikenakan CBP pada kadar 6%. Kadar ini boleh berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kastam Diraja Malaysia' adalah dipadamkan.

## I. MAKLUMAT URUSNIAGA ASDI

### Muka surat 17 & 18 Prospektus Utama – POLISI SATU HARGA (PSH) & CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

1. Perenggan-perenggan di bawah CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) adalah dipadamkan.
2. Perenggan ‘Ilustrasi Pengiraan Membeli Unit-Unit’ adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Berikut ialah ilustrasi pengiraan membeli dan menjual balik unit-unit mengikut PSH:-

#### Ilustrasi Pengiraan Membeli Unit-unit

Sekiranya pelabur membuat permohonan pelaburan membeli unit-unit tabung sebanyak RM10,000.00 pada NAB seunit RM0.5000, maka pengiraan jumlah yang perlu dibayar oleh pelabur seperti di bawah :-

NAB seunit	=	RM0.500000000
Caj Jualan seunit yang dikenakan	=	5%* dari NAB seunit
Jumlah unit yang dibeli oleh pelabur	=	jumlah pelaburan / NAB seunit
	=	RM10,000.00 / RM0.500000000
	=	20,000.00 unit

Caj Jualan yang perlu dibayar oleh pelabur dikira seperti berikut :-

$$\begin{aligned} 5\% \times \text{RM}0.500000000 &= \text{RM}0.025000000 \\ \text{RM}0.025000000 \times 20,000.00 \text{ unit} &= \text{RM}500.00 \end{aligned}$$

$$\begin{array}{rcl} \text{Jumlah pelaburan membeli unit-unit} & = & \text{RM} \quad 10,000.00 \\ \text{Jumlah caj jualan yang perlu dibayar} & = & \text{RM} \quad 500.00 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{rcl} \text{Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh pelabur} & = & \text{RM} \quad 10,500.00 \\ \hline \end{array}$$

\* Pelabur boleh berunding dengan Pengurus untuk caj-caj yang lebih rendah.

3. Kenyataan di bawah perenggan ‘Ilustrasi Pengiraan Menjual Balik Unit-unit’ adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

\* Pengurus tidak mengenakan apa-apa caj tebusan (belian balik) apabila pelabur ingin menebus pelaburan mereka.

4. Satu **perenggan baharu** berhubung kesilapan dalam penentuan harga adalah dibaca seperti berikut:-

#### KESILAPAN PENENTUAN HARGA

Pengurus akan memastikan bahawa Tabung dinilai dengan betul mengikut Surat Ikatan dan semua undang-undang yang berkaitan dan akan mengambil tindakan pembetulan segera untuk membetulkan sebarang penilaian dan penetapan harga yang salah bagi Tabung dan/atau Unit dan memaklumkan kepada Pemegang Amanah dan pihak berkuasa yang berkaitan tentang perkara yang sama melainkan

Pemegang Amanah beranggapan bahawa penilaian dan penetapan harga yang salah bagi Tabung dan/atau Unit adalah minimum dan tidak ketara.

Sekiranya kesilapan itu melibatkan percanggahan sifar perpuluhan lima peratus (0.5%) atau lebih daripada NAB seunit, Pemegang Amanah boleh beranggapan penilaian dan penetapan harga yang tidak betul itu sebagai kesilapan ketara melainkan jumlah kesan ke atas akaun Pemegang Unit adalah kurang daripada RM10.00. Penilaian dan penetapan harga yang salah yang dianggap ketara oleh Pemegang Amanah akan dibayar balik mengikut cara berikut:

- (i) oleh Pengurus kepada Tabung;
- (ii) oleh Tabung kepada Pengurus; atau
- (iii) oleh Pengurus kepada Pemegang Unit dan/atau bekas Pemegang Unit.

#### J. MAKLUMAT URUSNIAGA ASDI

##### **Muka surat 18 Prospektus Utama – BAGAIMANA UNIT-UNIT BOLEH DIBELI DAN DIJUAL**

1. Perenggan kedua di bawah sub-tajuk “Prosedur membeli unit-unit” adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Borang Permohonan yang telah lengkap dipenuhi bersama-sama pembayaran dalam bentuk deraf bank, wang pos, kiriman wang, cek bank dan cek persendirian (sertakan bayaran komisen untuk cek luar) hendaklah dikemukakan ke pejabat Pengurus. Pembayaran secara terus ke akaun bank di bawah juga boleh dilakukan.

CIMB ISLAMIC BANK BERHAD – 86-0406111-4 (PTB UNIT TRUST BERHAD (TRUST ACCOUNT))

Sila lampirkan bukti pembayaran yang telah dibuat bersama-sama borang permohonan berkenaan.

2. Perenggan kedua di bawah sub-tajuk “Prosedur menjual balik unit-unit” adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Pengurus akan membeli balik unit-unit berdasarkan NAB seunit pada hari permohonan lengkap diterima. Pemegang Unit akan dibayar secara terus ke dalam akaun bank Pemegang Unit dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh Pengurus. Tiada had penebusan minimum kecuali bagi penebusan sebahagian di mana baki yang ditinggalkan mestilah tidak kurang dari 100 unit.

#### K. MAKLUMAT URUSNIAGA ASDI

##### **Muka surat 19 Prospektus Utama – TEMPOH PENELITIAN**

1. Perenggan ketiga di bawah TEMPOH PENELITIAN adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Pengurus akan membayar balik wang pelabur berdasarkan NAB seunit pada hari unit-unit dibeli kali pertama atau NAB semasa pada hari permohonan untuk menarik balik pelaburan, yang mana lebih rendah dicampur caj jualan yang telah dikenakan pada hari unit-unit dibeli dahulu. Pembayaran balik wang akan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh Pengurus menerima permohonan rasmi untuk menarik balik pelaburan oleh pelabur.

## L. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABUNG ASDI

### Muka surat 21 Prospektus Utama – LEMBAGA PENGARAH

1. Maklumat berkenaan ahli-ahli Lembaga Pengarah PUTB adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Lembaga Pengarah PUTB terdiri daripada ahli-ahli berikut :-

**Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun (*Pengerusi – bebas*)  
Mohamad Azman bin Mustafa (*bebas*)  
Roshidi bin Ab Hamed (*bukan bebas*)  
Prof. Datin Dr. Norsiah binti Ahmad (*bebas*)  
Prof. Madya Dr. Marhana binti Mohamed Anuar (*bebas*)**

## M. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABUNG ASDI

### Muka surat 21 Prospektus Utama – JAWATANKUASA PELABURAN

1. Perenggan-perenggan di bawah JAWATANKUASA PELABURAN adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

#### JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa Pelaburan ASDI bertindak sebagai jawatankuasa pemantauan operasi dan pengurusan Tabung. Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan ASDI bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali dalam setahun bagi membincang dan meneliti status semasa pelaburan bagi mengatur strategi pelaburan serta memastikan segala polisi dan pengurusan Tabung mematuhi Garis panduan dan peraturan pihak berkuasa yang berkaitan.

Selain itu, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan juga meliputi:

- Mengkaji prestasi dan pengadunan portfolio/aset dan membuat penyesuaian di mana perlu;
- Mengkaji, meneliti dan mengubahsuai, di mana perlu, strategi pelaburan ASDI;
- Mengkaji kedudukan kewangan ASDI;
- Mengesyorkan pengagihan pendapatan; dan
- Meluluskan pelantikan broker.

## N. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABUNG ASDI

### Muka surat 22 Prospektus Utama – PENGURUSAN PELABURAN ASDI

1. Perenggan-perenggan di bawah PENGURUSAN PELABURAN ASDI adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

Roshidi bin Ab Hamed merupakan pegawai lantikan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pelaburan ASDI. Beliau bertindak dengan arahan dan atas nasihat Jawatankuasa Pelaburan. Beliau dibantu oleh Penolong Pengurus Pelaburan serta beberapa eksekutif pelaburan dalam mengendalikan urusniaga dan penyelidikan pelaburan untuk Tabung. Latar belakang beliau adalah seperti berikut:

**Roshidi bin Ab Hamed**

*Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Eksekutif*

Roshidi bin Ab Hamed telah dilantik sebagai Pengarah PUTB pada 18 Oktober 2018 dan sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan pada 24 Oktober 2018. Beliau sekarang menjawat jawatan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PUTB. Beliau mempunyai Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Beliau adalah graduan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan mendapat kelulusan peringkat Diploma dalam bidang sains, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan kepujian dalam bidang pemasaran serta Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan.

Roshidi mula berkhidmat di PUTB semenjak Ogos 1994 sebagai Pegawai Pemasaran. Pada tahun 2005, beliau telah ditempatkan ke Bahagian Pelaburan dan kemudiannya bertugas sebagai Eksekutif Kanan Pelaburan. Pada 1 Julai 2010, beliau dilantik sebagai Pengurus Pelaburan. Sebelum dilantik sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PUTB, beliau pernah menjawat jawatan Pengurus Kanan dan Pengurus Besar PUTB.

## O. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABUNG ASDI

### Muka surat 22 - 24 Prospektus Utama – Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah

1. Maklumat Dr. Ab. Halim bin Muhammad adalah dipadamkan.
2. Maklumat ahli jawatankuasa Syariah ASDI yang baharu, Prof. Dr. Rusni binti Hassan adalah dibaca seperti berikut:-

#### **Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan**

Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan adalah Profesor dan Dekan di Institut Perbankan dan Kewangan Islam, IIUM. Beliau memiliki Sijil Penasihat Syariah dari Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam, Malaysia, Ijazah Kedoktoran dalam Falsafah Undang-Undang, Sarjana Undang-Undang Perbandingan, Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) (Kepujian) dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB)(Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa Syariah ASDI pada 1 Ogos 2019. Beliau pernah menjadi ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, dari 2010 hingga 2016. Selain daripada itu, beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa Syariah bagi beberapa institusi di Malaysia termasuk Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Hong Leong Islamic Bank Bhd. Di peringkat antarabangsa, beliau adalah ahli Jawatankuasa Syariah bagi Perbadanan Pembangunan Perumahan Perbadanan dan Perbadanan Pembangunan Perumahan, Maldives. Beliau merupakan Penasihat Shariah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau juga aktif dalam Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Penasihat Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE) di mana beliau adalah Setiausaha dan Penolong Setiausaha bagi kedua-dua persatuan itu. Beliau banyak memberi ucapan dalam seminar, bengkel, persidangan, dan latihan mengenai pelbagai isu Kewangan Islam. Penerbitannya termasuk buku mengenai Perbankan Islam dan Takaful, Perbankan Islam di bawah Undang-undang Malaysia, Tadbir Urus Korporat Institusi Kewangan Islam, dan banyak artikel dalam jurnal tempatan dan antarabangsa.

Beliau telah menerima anugerah sebagai Penyelidik yang Megah di IIUM pada tahun 2012. Kerja-kerja dan sumbangannya kepada Kewangan Islam juga telah diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila dia disenaraikan di antara 10 Wanita Terbaik dalam Kewangan Islam oleh CPI Financial pada tahun 2013 dan telah dianugerahkan sebagai Wanita Wanita Paling Berbakat dalam Perbankan Islam, Anugerah

Kecemerlangan Perbankan Islam Asia, CMO Asia, 2014; dan Wanita Cemerlang dalam sumbangan beliau dalam bidang Kewangan dan Undang-undang Islam oleh Anugerah Wanita Venus Antarabangsa (VIWA 2016).

**P. PEMEGANG AMANAH**

**Muka surat 25 - 26 Prospektus Utama – PEMEGANG AMANAH**

1. Perenggan di bawah PENGALAMAN DI DALAM PERNIAGAAN AMANAH adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

CIMB Islamic Trustee Berhad terlibat di dalam industri Dana Unit Amanah sejak tahun 1990 dan menjadi pemegang amanah kepada Dana Unit Amanah, Dana Borong, Skim Persaraan Swasta dan Dana Dagangan Bursa. Selain daripada itu, CIMB Islamic Trustee Berhad juga pernah menjadi pemegang amanah kepada Dana Pelaburan Amanah Harta (REIT).

2. Perenggan pertama di bawah WAKIL PEMEGANG AMANAH adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

CIMB Islamic Trustee Berhad telah melantik CIMB Bank Berhad (CIMB Bank) sebagai kustodian kepada aset-aset dana. Syarikat induk muktamad CIMB Islamic Bank Berhad adalah CIMB Group Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

**Q. MAKLUMAT – MAKLUMAT TAMBAHAN**

**Muka surat 39 Prospektus Utama – SURAT IKATAN TABUNG**

1. Maklumat berkenaan surat ikatan – surat ikatan Tabung adalah dipinda dan dibaca seperti berikut:-

- Surat ikatan Bertarikh 24 Oktober 1994.
- Surat ikatan Tambahan Pertama Bertarikh 9 Mei 1996.
- Surat ikatan Tambahan Kedua Bertarikh 30 April 1999.
- Surat ikatan Tambahan Ketiga Bertarikh 25 April 2001.
- Surat ikatan Tambahan Keempat Bertarikh 14 April 2006.
- Surat ikatan Tambahan Kelima Bertarikh 27 Mac 2023.

**R. KEIZINAN**

1. Kenyataan tambahan berhubung keizinan adalah dibaca seperti berikut:-

Pemegang amanah dan penasihat syariah telah memberikan dan tidak menarik balik persetujuan mereka untuk pengeluaran Prospektus Tambahan Pertama ini.

RUANG INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

---

**PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA-SAMA DENGAN  
PROSPEKTUS UTAMA YANG BERTARIKH 31 MEI 2017**